

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, 24 April, 2019 10:53 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel Kerjaya Dan Penyediaan Resume Khas Asas Persiapan Pelajar Ke Alam Pekerjaan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 APRIL 2019 / 18 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PPA COB

BENGKEL KERJAYA DAN PENYEDIAAN RESUME KHAS ASAS PERSIAPAN PELAJAR KE ALAM PEKERJAAN



UUM ONLINE: “Penampilan diri adalah faktor yang menyumbang kepada prestasi syarikat,” kata Ketua Kumpulan Sumber Manusia Bina Darulaman Berhad (BDB), Zaidi Osman pada Bengkel Kerjaya dan Penyediaan Resume Khas di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen, baru-baru ini.

Menurutnya, antara kriteria baik bagi calon yang mencari pekerjaan adalah penampilan diri yang kemas dan profesional, latar belakang pendidikan, pengalaman kerja yang berkaitan dengan bidang, sifat kepimpinan dan kemampuan daya saing.

Katanya, kesemua elemen tersebut menyumbang kepada prestasi syarikat dan majikan akan mengutamakan calon yang memiliki semua elemen itu.

“Selain itu, kemahiran berkomunikasi, jujur dan sifat ingin belajar juga menjadi perkara utama dalam penilaian semasa temuduga,” katanya di hadapan 75 pelajar yang mengikuti bengkel tersebut.

Dekan PPA COB, Dr. Herman Shah Anuar berkata, bengkel itu adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang penyediaan resume dan surat iringan yang baik serta menepati kehendak industri terkini, mempelajari teknik komunikasi berkesan dan teknik penyesuaian diri di organisasi.

Menurutnya, ia bukan sahaja dapat memberikan gambaran umum dan khas kepada pelajar tentang pentingnya persiapan sebelum memasuki ke alam pekerjaan, malah mereka berpeluang untuk memperkembangkan diri ke tahap yang lebih baik terutamanya dari sudut sikap, kemahiran dan pengetahuan.

“Saya juga mahu semua pelajar memiliki sifat ringan tulang, bekerjasama serta sentiasa berusaha memperbaiki diri sendiri agar dapat mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan berdasarkan keperluan masa kini.

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat (BMA), Mohd Arif Ilmie Amirudin berkata, bengkel tersebut banyak membantunya untuk menimba lebih banyak ilmu berkaitan dengan persiapan ke alam kerjaya dan cara yang betul untuk menyiapkan resume yang terbaik agar bersesuaian dengan kehendak industri.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.